

SALTOLINE SYRUP

Salbutamol sulphate (2mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SALTOLINE SYRUP
2. Bagaimana SALTOLINE SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan SALTOLINE SYRUP
4. Cara menggunakan SALTOLINE SYRUP
5. Semasa menggunakan SALTOLINE SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SALTOLINE SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SALTOLINE SYRUP

SALTOLINE SYRUP digunakan untuk melegakan asma, bronkitis kronik (keradangan saluran pernafasan yang membawa udara ke paru-paru), emfisema (kerusakan pundi udara (alveolus) dalam paru-paru) dan lain-lain gangguan *bronchopulmonary* melibatkan penyempitan saluran pernafasan.

Bagaimana SALTOLINE SYRUP berfungsi

Fungsi utama Salbutamol adalah dengan mengendurkan otot saluran udara dalam paru-paru, dan melegakan sesak dada, sempit dan batuk.

Sebelum menggunakan SALTOLINE SYRUP

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan menggunakan SALTOLINE SYRUP jika anda mempunyai:
 - tekanan darah tinggi
 - kelemahan jantung (kegagalan jantung untuk menjalankan fungsinya)
 - kelenjar tiroid terlalu aktif

Mengandung dan menyusukan anak

Risiko dan manfaat perlu dipertimbangkan apabila digunakan semasa mengandung. Keselamatan penggunaan di kalangan wanita hamil masih belum dipastikan. Adalah tidak diketahui samada Salbutamol diserap ke dalam susu ibu. Oleh itu keputusan samada untuk meneruskan penyusuan atau pengambilan Salbutamol patut dibuat, dengan mengambil kira

kepentingan pengambilan ubat ini untuk ibu tersebut. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil SALTOLINE SYRUP jika anda hamil, mencuba untuk hamil atau rasa anda mungkin mengandung atau menyusukan anak. Keselamatan & keberkesanan Salbutamol pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun belum dapat dipastikan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Tocolysis: kesan sampingan yang serius termasuk kematian telah dilaporkan selepas penggunaan Salbutamol pada wanita bersalin. Pada ibu, ini termasuk peningkatan kadar denyutan jantung, gula tinggi dalam darah buat seketika, tahap kalium rendah dalam darah, degupan jantung yang tidak teratur, cecair berlebihan dalam paru-paru dan mengurangkan aliran darah ke jantung. Meningkatkan kadar jantung janin dan gula dalam darah yang rendah pada bayi baru lahir boleh berlaku akibat pengambilan ibu.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Salbutamol tidak boleh diambil bersama dengan ubat non-selective beta-adrenoreceptor blocking seperti propranolol atau oxprenolol (digunakan untuk tekanan darah tinggi).

Cara menggunakan SALTOLINE SYRUP

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

Oral, 1 hingga 3 sudu teh (5 - 15 ml) 3 - 4 kali sehari pada mulanya, dos boleh ditingkatkan mengikut keperluan sehingga maksimum 4 sudu teh (20 ml) 4 kali sehari.

Kanak-kanak:

Kurang dari 2 tahun: Dos belum dipastikan.
2-6 tahun: 100 mcg/kg berat badan, 3 kali sehari pada mulanya. Dos boleh ditingkatkan mengikut keperluan sehingga 200 mcg/kg berat badan tidak melebihi 4 mg 3 kali sehari.

6-14 tahun: 1 sudu teh (5 ml) 3-4 kali sehari pada mulanya, dos boleh ditingkatkan mengikut keperluan sehingga maksimum 12 sudu teh (60 ml) setiap hari dalam dos dalam dos terbahagi. **Lebih dari 14 tahun:** Dos seperti orang dewasa.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan getaran otot, memerah, agitasi, debaran jantung yang tidak sekata, kadar degupan jantung yang cepat dan hipokalemia (paras kalium yang rendah dalam darah).

Semasa menggunakan SALTOLINE SYRUP

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan SALTOLINE SYRUP. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi SALTOLINE SYRUP kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

Memandu dan menggunakan jentera
Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, SALTOLINE SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Debaran jantung, kadar degupan jantung yang cepat dan getaran otot boleh berlaku. Pengembangan saluran darah, getaran, gemuruh, rasa loya, rasa berputar, rangsangan pusat, hiperaktif, keterujaan, tingkah laku cepat marah, insomnia (masalah untuk tidur), hidung berdarah, lemah, pening, deria rasa yang luar biasa, pedih hulu hati, mengantuk, susah kencing, batuk dan kerengsaan dan pengeringan pada mulut dan tekak, masalah pemakanan, perubahan emosi, pucat, keletihan, konjunktivitis (keradangan dan kemerahan pada lapisan nipis yang menutupi depan mata), kekejangan otot dan sakit kepala.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan SALTOLINE SYRUP

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat. Simpan di tempat kering di bawah 25°C

Lindungi daripada cahaya
Goncang sebelum digunakan

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna merah dengan perisa strawberi

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Salbutamol (sebagai Salbutamol Suphate)

- Bahan-bahan tidak aktif

Gula, Liquid Glucose, Methyl Paraben, Propyl Paraben, perisa Strawberi, Raspberry Red, Deionised Water

- Nombor MAL

MAL19910172AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/03/2017

Nombor siri:

BPFK(R4/1)140317/00030